

# Dr. Wahid Razzaly naib canselor baharu

**T**IMBALAN Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Dr. Wahid Razzaly dilantik sebagai Naib Canselor UTHM bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa 3 Mac lalu.

Pelantikan itu telah sempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh setelah mendapat perkenan Canselor Universiti, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar.

Jawatan Naib Canselor UTHM sebelum ini disandang oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin yang telah tamat tempoh pelantikannya pada 15 Oktober 2016 yang lalu.

Dr. Wahid, 58, yang merupakan anak kelahiran Selangor ini pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dekan Pusat Pembangunan Akademik dan Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

Selepas penamatan tugas Naib Canselor terdahulu, beliau juga telah diberikan kepercayaan oleh Lembaga Pengarah Universiti untuk menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor UTHM.

Beliau mendapat pendidikan awal dengan menamatkan pengajian ijazah pertama dalam bidang Kejuruteraan Awam di University of Swansea, United Kingdom (UK), kemudian melanjutkan pengajian dalam Ikhtisas Pendidikan Diploma



WAHID RAZZALY

Pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM).

Selepas itu, beliau menyambung pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam program Sarjana

Kejuruteraan Lebuh Raya dan Pengangkutan sebelum meneruskan pengajian di peringkat kedoktoran dalam Pendidikan Kejuruteraan Jarak Jauh di The University of Manchester, UK.

Dr. Wahid mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam pembelajaran dan pengajaran dalam bidang Kejuruteraan Awam serta Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Sebelum ke UTHM, beliau telah berkhidmat di Politeknik Ungku Omar, Politeknik Port Dickson dan juga di Bahagian Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti selama 17 tahun sebagai Pensyarah dan juga Timbalan Pengarah.

Beliau juga terlibat dengan konsultasi dan projek penyelidikan dalam pembangunan kurikulum subjek teknikal, *outcome-based education*, kelayakan dan standard serta pendidikan kejuruteraan.

Pada peringkat pascaijazah, beliau pernah mengajar kaedah Penyelidikan, Statistik,

Pembangunan Kurikulum dan telah menyelia lebih 20 projek penyelidikan tesis pada peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional (PTV).

Beliau juga aktif dalam penyelidikan di dalam dan juga luar negara dalam bidang PTV, di samping menjadi penilai, editor bagi jurnal pendidikan, pensyarah jemputan dan juga pengucapama.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, Dr. Wahid juga aktif menjadi konsultan terhadap beberapa projek PTV di dalam dan luar negara, terutama dalam pembangunan program akademik PTV, penjaminan kualiti dan standard kelayakan.

Selain itu, Dr. Wahid turut membantu menyokong pendidikan negara melalui penglibatannya dalam Malaysian Qualifications Agency (MQA), Jabatan Pendidikan Tinggi, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Jabatan Pendidikan Politeknik, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Kementerian Sumber Manusia.

Beliau juga telah dijemput sebagai penilai di beberapa persidangan dan jurnal pendidikan serta merupakan ahli aktif UNESCO-UNEVOC dan pernah terlibat sebagai Ketua Perunding Utama dalam Projek Pembangunan Latihan Vokasional bagi negara Jordan yang dibiayai sepenuhnya oleh Bank Dunia.